

# KWSP diminta teliti skim tunai haji

BH 1 2 MAY 2002

SHAH ALAM: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengkaji dengan teliti sebelum memperkenalkan skim pengeluaran yang baru bagi memastikan hari tua pencaumnya lebih terjamin.

Beliau berkata kini ada banyak skim pengeluaran caruman yang dilaksanakan badan itu.

"Kalau kita belanja sebelum bersara, bila kita bersara esok kita akan dapat sikit saja dan mungkin tidak mencukupi untuk menyara hidup ketika kita sudah tidak ada kerja atau masa kita sakit," katanya kepada pemberita selepas berucap pada perhimpunan sempena sambutan ulang tahun Umno ke-56 di Stadium Malawati di sini, semalam.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar semalam mengenai kenyataan Pengerusi KWSP Tan Sri Abdul Halim Ali mengenai kesediaan KWSP menimbang cadangan untuk membolehkan pencaum mengeluarkan caruman untuk mengerjakan haji.

Sebelum itu, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman, ada

mencadangkan supaya KWSP membenarkan pengeluaran wang caruman untuk menunaikan haji.

Pengerusi KWSP, Tan Sri Abdul Halim Ali, walaupun berkata kerajaan sedia menimbang cadangan berkenaan dan kajian menyeluruh perlu dilakukan.

Perdana Menteri ketika mengulas perkara itu, berkata jika dibandingkan dengan kebenaran lain yang diluluskan untuk mengeluarkan caruman, pengeluaran wang untuk belanja menunaikan haji adalah belanja hangus.

"Jadi saya harap KWSP timbangkan baik-baik sebab banyak sangat dah... nak beli rumah kita bagi, nak beli komputer kita bagi dan macam-macam kita bagi, lama-lama nanti duit yang kita simpan untuk masa tua kita akan dihabiskan sebelum kita bersara," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin berkata, 'adalah tidak wajar membenarkan umat Islam menggunakan wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi menunaikan ibadat haji.

Katanya, ini kerana sudah ada sebuah insti-

tusi khusus iaitu Tabung Haji yang menerima simpanan orang ramai untuk mereka menunaikan ibadat haji.

"Biarlah wang caruman daripada KWSP digunakan untuk hari tua. Tidak perlu kacau dan jika seseorang bercadang menunaikan ibadat haji mereka boleh menabung melalui Tabung Haji," katanya.

Kelmarin, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) meminta KWSP menolak saranan membolehkan ahlinya mengeluarkan wang caruman untuk menunaikan haji kerana KWSP sudah banyak memperkenalkan skim pengeluaran.

Abdul Hamid berkata, orang ramai perlu digalakkan untuk menabung dengan Tabung Haji jika mereka berhasrat menunaikan ibadat haji dan demi hari tua mereka.

Pada masa sama, kerajaan dari semasa ke semasa memperbaiki kelemahan di Tabung Haji bagi memulihkan keyakinan orang ramai kepada institusi itu.

Mengenai Panel Pelaburan Tabung Haji, Abdul Hamid berkata, pihaknya berpuas hati kerana mereka kini lebih berhati-hati dan profesional dalam tindakan yang diambil.